

25 JAN 2002

Huhtala-Taliban/I

KEDUTAAN BELUM TERIMA MEMORANDUM BANTAHAN M'SIA, KATA DUTA BESAR AS

KUALA LUMPUR, 25 Jan (Bernama) -- Duta besar Amerika Syarikat (AS) Marie Huhtala hari ini berkata beliau belum menerima sebarang memorandum atau nota bantahan daripada Malaysia membabitkan laporan mengenai layanan tidak berperikemanusiaan terhadap tawanan Taliban di pangkalan laut Amerika di Guantanamo Bay, Cuba.

"Saya menunggu untuk mendapatkan memo daripada Perdana Menteri Malaysia dan kami akan menanganinya apabila ia diterima," katanya semasa ditanya oleh pemberita mengenai kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membabitkan isu itu.

Semalam, selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno, Dr Mahathir berkata mesyuarat itu telah menyuarakan bantahan terhadap layanan kasar terhadap tawanan perang Taliban.

Huhtala berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri Anugerah Warga Korporat 2001 daripada Dewan Perniagaan AS kepada Dewan Perniagaan Amerika-Malaysia (AMCHAM) bagi program Usahawan Mudanya.

Anugerah itu merupakan inisiatif tahunan Dewan perniagaan AS yang memperakui satu daripada dewannya di seluruh dunia yang cemerlang dalam perkhidmatan komuniti.

Huhtala berkata beliau telah mengikuti penjelasan kerajaan AS di Washington bahawa mereka melayani tawanan perang secara berperikemanusiaan termasuk memberi mereka makanan halal dan peluang untuk bersenam dan mandi.

"Dan malah, Jawatankuasa Palang Merah Antarabangsa (ICRC) baru-baru ini melawat mereka dan membuat beberapa cadangan kepada kerajaan dan kami sedang melaksanakannya bersama ICRC," katanya.

Ditanya mengapa tahanan Taliban tidak dikategorikan sebagai tawanan perang mengikut Konvensyen Geneva, beliau berkata: "Mereka bukan wakil kerajaan yang sedang berperang dengan kami, jadi mereka tidak jatuh dalam definisi tawanan perang.

"Kami sudah menjelaskannya. Kami tidak menganggap mereka sebagai tawanan perang. Jadi Konvensyen Geneva tidak boleh digunakan".

Beliau berkata tahanan itu merupakan antara anggota Taliban yang paling ganas dan terbabit dalam keganasan.

Huhtala berkata adalah penting bagi kerajaan AS bercakap dan menyoalsiasat tahanan Taliban itu dalam persekitaran yang selamat.

-- BERNAMA

FA AHH LAT